



Ruj Tuan : AMA/ASZ/2019/30356

Ruj. Kami: LHDN.01/35/(S)/42/51/125

Tarikh : 4/1/2022

Encik IR Anuar Mohd Aris
Honorary Secretary
The Association of Consulting Engineers Malaysia
Suite 20-9, Level 20, Menara 1MK, No 1, Jalan Kiara, Mont' Kiara
50480 Kuala Lumpur

Tuan,

IRB PUBLIC RULING 2/2009 – CONSTRUCTION CONTRACTS

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat tuan yang bertarikh 15 Ogos 2018 dan 13 Februari 2019 serta perbincangan di antara Jabatan Dasar Percukaian dan pihak tuan pada 26 Oktober 2018 berhubung perkara di atas.

2. Berdasarkan maklumat yang dikemukakan dan perbincangan yang diadakan, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) memutuskan bahawa Peraturan-Peraturan Cukai Pendapatan (Kontrak Pembinaan) 2007 [P.U.(A) 276] dan Ketetapan Umum Bil 2 Tahun 2009 [KU 2/2009] adalah tidak terpakai kepada perunding kejuruteraan yang memberikan perkhidmatan perundingan ke atas suatu kontrak pembinaan (tidak termasuk perunding kejuruteraan yang terlibat secara langsung dengan aktiviti atau kerja-kerja pembinaan). Sehubungan itu, pengiktirafan pendapatan bagi perunding kejuruteraan adalah tertakluk kepada Seksyen 24 Akta Cukai Pendapatan 1967.

3. Layanan percukaian yang diberikan dalam perenggan 2 di atas adalah tidak terpakai kepada perkhidmatan perundingan selain perunding kejuruteraan kerana pihak tuan masih belum mengemukakan cadangan berhubung pemakaian P.U.(A) 276/ KU 1/2009 ke atas perkhidmatan perundingan selain perunding kejuruteraan.

4. Walau bagaimanapun, sekiranya LHDNM mendapati fakta yang diberi adalah berbeza dari fakta sebenar maka keputusan yang dikeluarkan adalah tidak terpakai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“BERSAMA MEMBANGUN NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(SALAMATUNNAJAN BINTI BESAHA)

Pengarah

Jabatan Dasar Percukaian

b.p Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

HASIL

BERSAMA MEMBANGUN NEGARA